



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DR. ZAITUN BINTI ABU BAKAR  
ISTERI YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM CSR SHWP 2020  
PERINGKAT WP LABUAN –  
SENI PEMBUATAN BALM ORGANIK**

**7 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)  
7.30 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA,  
PERBADANAN LABUAN**

**Salutasi (Akan diselaraskan pada hari program)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum                                  Warahmatullahi  
Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera**

## **PENDAHULUAN**

**1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya maka dapat kita semua berkumpul di Dewan Serbaguna, Perbadanan Labuan pada hari ini bagi menjayakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 bagi sesi pembelajaran pembuatan**

**Balm Organik bersama-sama komuniti Wilayah Persekutuan Labuan yang saya kasih.**

**2. Saya amat berbesar hati dan bangga dengan kehadiran tuan-tuan dan puau-puan, walaupun sibuk dengan tugas harian namun, sudi meluangkan masa untuk hadir bagi meraih ilmu yang bermanfaat kepada kita semua.**

**Hadirin Yang Saya Kasih Sekalian;**

**3. Pada hari ini satu lagi Program CSR diperkenalkan iaitu Seni Pembuatan Balm Organik (*Organic Balm*). Program ini juga merupakan**

**salah satu program di bawah Inisiatif Mensejahterakan Rakyat yang merupakan cetusan idea YB Menteri Wilayah Persekutuan khusus bagi membantu golongan B40 di Wilayah Persekutuan samada di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.**

**4. Saya dimaklumkan, pihak Perbadanan Labuan juga menjalankan pelbagai program keusahawanan, dalam memberikan peluang kepada komuniti Wilayah Persekutuan Labuan meningkatkan pendapatan isi rumah sekaligus mampu meningkatkan kualiti dan kehidupan yang lebih baik**

**terutamanya golongan asnaf, belia, suri rumah, ibu tunggal serta pesara.**

**5. Program yang bersifat kemasyarakatan dan kerjaya ini bermatlamat membantu komuniti setempat khususnya golongan wanita yang menetap di WP Labuan yang tidak mempunyai pekerjaan untuk keluar dari masalah ketiadaan sumber pendapatan dan belenggu kemiskinan.**

**6. Bersesuaian dengan objektif program kita pada hari ini, iaitu memberi ilmu pengetahuan, berkongsi kemahiran serta teknik pembuatan Balm Organik dengan kos yang rendah, anda mampu**

**menghasilkan Balm Organik anda sendiri tanpa perlu membeli dan memasarkannya melalui perniagaan *online*.**

7. Selain itu juga, program pembuatan Balm Organik ini juga boleh menjadi sumber pendapatan dengan kreativiti masing-masing. Oleh itu, saya amat berharap agar semua peserta yang hadir pada hari ini dapat mempelajari serta mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dan dalam masa yang sama dapat menaja pendapatan. Kebanyakan penguna pada hari ini lebih cenderung untuk membeli barang berdasarkan organik untuk kegunaan sendiri yang

**tiada bahan pengawet mahupun bahan kimia.**

**8. Melalui usaha yang dilaksanakan ini sekali gus dapat membantu mengubah struktur ekonomi golongan B40, suri rumah serta mereka yang masih tidak mempunyai pekerjaan untuk menjana pendapatan tambahan kepada keluarga miskipun hanya diusahakan di rumah.**

**9. Oleh itu saya berharap agar pihak Perbadanan Labuan akan terus memimpin tangan para peserta untuk meneruskan inisiatif ini tanpa mengabaikan kehendak dan aspirasi**

**mereka dalam dalam melahirkan usahawan tempatan yang berdaya saing.**

**10. Di bawah program Inisiatif Mensejahteraan Rakyat, Kementerian Wilayah Persekutuan mengajurkan pelbagai program peningkatan ekonomi yang berfokuskan kepada golongan B40 di Wilayah Persekutuan. Program yang diadakan pada hari ini merupakan program yang ketiga selepas program Seni Jahitan Kreatif dan Seni Pembuatan Sabun yang telah memanfaatkan hampir lebih daripada 400 isi rumah sebelum ini.**

## **PENUTUP**

**11. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan serta semua yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan Program CSR sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 ini.**

**12. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan ini melancarkan Program CSR Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 - Seni Pembuatan Balm Organik.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamu'alaikum W.B.T.**

